

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 31/12/2007

Jangan benar 13 Mei berulang

Oleh JAMDI NASIR

KOTA KINABALU 30 Dis. - Kerajaan memberi jaminan tidak akan sesekali memberi laluan kepada mana-mana pihak untuk menimbulkan sebarang unsur yang boleh membawa kepada berulangnya peristiwa 13 Mei 1969.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, tindakan tegas termasuk menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab menimbulkan suasana tidak tenteram.

Menurut beliau, kerajaan bukannya terlalu mengekang rakyat negara ini untuk berhimpun tetapi ia mestilah mengikut peraturan dan yang paling penting tidak

mengganggu ketenteraman orang ramai.

"Jangan fikir kerajaan tidak bagi langsung orang nak tunjuk perasaan, kalau nak buat di markas sendiri atau stadium... kita bagi, bersyarah dan bercakaplah sampai pagi.

"Tetapi kalau nak buat demonstrasi jalanan, ia amat mudah menimbulkan konflik kaum dan huru-hara. Kalau Hindraf (Hindu Rights Action Force) buat perhimpunan dan orang Kampung Baru hendak keluar tidak boleh, apa jadi?"

"Kerajaan akan pastikan tidak akan berlaku 13 Mei sekali lagi di negara ini," tegas beliau ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan kakitangan kerajaan sebagai mengakhiri lawatan kerja dua hari beliau ke Sabah di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua

Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Sukarti Wakiman; Setiausaha Persekutuan Sabah, Datuk Ismail Wadin serta ketua-ketua jabatan negeri dan Persekutuan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa bertolak ansur terhadap keperluan rakyat termasuk menghormati aspek kebebasan beragama di negara ini.

Berikutan itu, katanya, konsep pemuafakatan perlu dipegang dan sebarang perselisihan yang timbul perlu diselesaikan di meja rundingan kerana tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan.

"Dalam bertindak, kerajaan sebenarnya amat bersabar tetapi bila tiba masanya, kalau kepentingan awam terjejas, kita ambil tindakan termasuk menggunakan undang-undang ISA terhadap mereka," kata-

nya.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan anggota perkhidmatan awam supaya sentiasa meningkatkan kualiti kerja bagi memastikan negara dapat terus bersaing dalam arus perkembangan pesat dunia masa ini.

Menurut beliau, sejarah membuktikan kakitangan awam adalah salah satu institusi penting yang telah membantu kepimpinan politik menjayakan matlamat dan wawasan negara.

"Kepimpinan politik tidak akan berjaya jika tidak disokong oleh institusi yang kuat dan mantap seperti perkhidmatan awam di negara ini. Anggota perkhidmatan awam tidak boleh kekal statik, sebaliknya perlu bijak meningkatkan keupayaan diri dan organisasi masing-masing," katanya.

UM- 31/12/2007